

STPM Kertas 1 2014:

Soalan 5

- (a) Perihalkan tiga prinsip kawalan dalaman, dan berikan satu contoh yang bersesuaian bagi setiap prinsip.
- (b) Puan Sandra, pemilik Perniagaan Sudut Kraf yang mula beroperasi pada 1 April 2012 tidak menyimpan rekod perakaunannya yang lengkap. Beliau membawa masuk modal tunai dalam bank berjumlah RM45,000. Selain itu, beliau juga telah meminjam RM30,000 daripada ibu saudaranya Puan Laily pada 1 Julai 2012. Mengikut perjanjian yang dibuat antara mereka berdua, amaun yang dipinjam akan dijelaskan selepas tempoh lima tahun. Faedah yang dikenakan adalah pada kadar 5% setahun dan dibayar dua kali setahun, iaitu pada setiap 31 Disember dan 30 Jun. Puan Sandra ingin menyediakan penyata kewangan perniagaannya untuk tahun pertama operasi, dan maklumat yang berikut diperolehi.

- (1) Pergerakan tunai yang diringkaskan berdasarkan maklumat daripada penyata bank Perniagaan Sudut Kraf pada 31 Mac 2013 adalah seperti yang berikut:

	RM
Tunai masuk:	
Tunai daripada Puan Sandra	45,000
Pindahan tunai daripada akaun Puan Laily	30,000
Kutipan tunai daripada jualan	130,000
Tunai keluar:	
Gaji pekerja	34,100
Belian barang niaga	79,200
Bayaran bil utiliti	4,960
Bayaran sewa premis (15 bulan sehingga 30 Jun 2013)	10,500
Bayaran pembelian kenderaan terpakai pada 31 Mei 2012	22,600
Belanja perjalanan	22,500
Bayaran cukai jalan (satu tahun bermula Jun 2012)	90
Bayaran insurans kenderaan (satu tahun bermula Jun 2012)	780
Pindahan tunai ke dalam akaun Puan Laily	750

- (2) Bayaran belanja pelbagai berjumlah RM2,730 dibuat dengan menggunakan kutipan daripada jualan tunai sebelum dibankkan.
- (3) Kutipan tunai daripada jualan pada 31 Mac 2013 berjumlah RM2,920 hanya didepositkan ke dalam bank pada 1 April 2013. Cek bernilai RM1,020 yang diterima daripada pelanggan yang berhutang telah didepositkan pada 29 Mac 2013, dan hanya dikreditkan ke dalam akaun bank perniagaan pada 2 April 2013.
- (4) Sekeping cek bertarikh 28 Mac 2012 bernilai RM360 yang dikeluarkan kepada pembekal bagi menjelaskan hutang hanya ditunaikan pada 10 April 2013.
- (5) Pindahan tunai daripada akaun Puan Laily ialah pinjaman yang diterima, manakala pindahan tunai ke dalam akaun Puan Laily adalah untuk bayaran faedah.

- (6) Sebanyak 80% daripada belanja perjalanan adalah untuk percutian Puan Sandra sekeluarga.
- (7) Sebuah kenderaan terpakai yang diperoleh dijangka dapat digunakan selama lima tahun. Kenderaan itu disusutnilaikan berdasarkan kaedah garis lurus dengan mengenakan susut nilai satu tahun penuh pada tahun perolehan, dan tidak mengenakan susut nilai pada tahun aset dijual.

Baki pada 31 Mac 2013:	
Barang niaga belum dijual	RM6,000 (kos)
	RM5,700 (nilai pasaran)
Amaun terhutang kepada pembekal	RM1,685
Belanja utiliti belum dijelaskan	RM540
Amaun terhutang oleh pelanggan	RM7,900

- (8) Untung kasar atas jualan adalah pada kadar 50% atas kos. Walau bagaimanapun, stok barang niaga lama dengan nilai kos RM1,800 telah dijual secara tunai pada harga kos. Penerimaan tunai tersebut telah digunakan untuk perbelanjaan peribadi.

Dikehendaki:

Sediakan , bagi Perniagaan Sudut Kraf,

- (i) Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2013 (7 markah)
- (ii) Kunci kira-kira pada 31 Mac 2013 (7 markah)